

**PERATURAN-PERATURAN MENGGUNAKAN KENDERAAN DI DALAM
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

1. Pengguna-pengguna jalanraya di dalam kampus adalah tertakluk kepada **peraturan KUIS** dan **Akta Pengangkutan Jalan (1987)**.
2. Setiap pemandu kenderaan yang masuk ke kampus hendaklah mempunyai pelekat kenderaan yang **sah**.
3. Kebenaran memasuki kampus hanya diberi kepada Ahli Lembaga Pengarah, pegawai, pelajar, agensi luar dan pelawat yang sah sahaja.
4. Pelekat kenderaan ini hendaklah digunakan **sepanjang masa** untuk tujuan masuk ke KUIS.
5. Pelekat kereta hendaklah dipamerkan di **penjuru (kanan)** atas cermin hadapan kenderaan dan bagi motosikal pula hendaklah dipamerkan di bahagian **hadapan** bagi memudahkan pelekat tersebut dapat dilihat.
6. Pelekat-pelekat kenderaan ini **tidak boleh** dipindah milik atau dipalsukan, jika didapati bersalah stiker yang dirampas tidak akan dikembalikan.
7. Had laju di dalam kampus **tidak melebihi 35 km/j**. Sila perlahankan kenderaan semasa melalui pintu utama ke KUIS.
8. Pengguna-pengguna jalanraya diminta memberi kerjasama ketika pemeriksaan keselamatan dijalankan.
9. Kenderaan yang **tidak mempunyai pelekat** adalah dilarang masuk.
10. Sekiranya berlaku sesuatu kemalangan di dalam kawasan kampus hendaklah dilaporkan ke Bahagian Keselamatan dan pihak berkuasa Kolej Universiti secepat mungkin.
11. Kenderaan-kenderaan hendaklah **diparkir** di tempat yang dikhasakan sahaja atau di tempat yang diarahkan oleh pihak keselamatan.
12. Kebenaran boleh ditarik balik oleh pihak keselamatan pada bila-bila masa jika arahan-arahan lalulintas di dalam kampus tidak dipatuhi.

Disediakan oleh:

MUHAMMAD SHUHAIMI BIN ALANG AZIDDIN

Bahagian Keselamatan

06.11.2019

Disemak dan disahkan oleh:

HASHIM BIN ABDUL GHAFFAR

Ketua Bahagian Keselamatan

06.11.2019